

'Tapak projek berdebu macam kabus'

Kuala Lumpur: Pembinaan pangsapuri baharu berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wangsa Sari, Seksyen 1, Wangsa Maju di sini, menyebabkan penduduk berdepan risiko masalah kesihatan dan pencemaran selain keselamatan.

Penduduk PPR Wangsa Sari, Mazlan Abdul Latif, 50, berkata, dia turut menjadi mangsa apabila disahkan diserang bronkitis, bulan lalu.

"Keadaan berdebu dari tapak projek itu seperti kabus boleh dilihat dengan jelas. Pada bulan lalu, saya batuk berterusan dan mendapatkan pemeriksaan di klinik kesihatan.

"Malah, saya dimasukkan ke hospital swasta selama lima hari akibat batuk bulan lalu. Hasil laporan klinik kesihatan, saya disahkan diserang bronkitis.

"Menurut doktor, penyakit itu mungkin akibat merokok, tetapi saya bukan perokok. Doktor bertanya persekitaran saya yang mungkin selalu terdedah habuk atau debu di sekitar PPR ini," katanya di sini, semalam.

Mazlan berkata, bukan kesihatannya sahaja terjejas tetapi turut membabit-



TINJAUAN punca masalah kesihatan penduduk akibat pembinaan pangsapuri baru di kawasan berhampiran pintu masuk di PPR Wangsa Sari. - Gambar NSTP/NABILA ADLINA AZAHARI

kan empat lagi penduduk termasuk dua bayi yang turut menerima rawatan di hospital kerana batuk dan asma.

"Selain itu, isu pencemaran lain membimbangkan apabila air kumbahan dari tapak projek dilepaskan di jalan raya masuk ke longkang yang masuk ke Sungai Bonus.

"Perkara ini kerap berlaku menyebabkan kawasan sekitar berbau busuk," katanya yang juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Kawasan

Rukun Tetangga (KRT) PPR Wangsa Sari.

Katanya, aduan berhubung perkara itu disuarakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak 2022.

"Sebelum kejadian leputan di sebuah blok di tapak pembinaan itu, saya kerap mengadu kepada DBKL berhubung tindakan syarikat kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan pada waktu malam menyebabkan bising.

"Bagaimanapun, tiada

tindakan proaktif diambil terhadap aduan berkenaan yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) seolah-olah syarikat kontraktor itu 'kebal' undang-undang," katanya.

Menurutnya, dia akan mengajukan aduan berhubung salah laku syarikat kontraktor terbabit kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tindakan lanjut.